

## PERKATAAN AWAL YANG DIHASILKAN OLEH KANAK-KANAK MELAYU KELANTAN

Nur Farina Rosli

Penyelia: Norhaniza binti Abdul Khairi dan Mohd Syahrulikram Mohd Yassin

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan satu senarai perkataan pertama yang dihasilkan oleh kanak-kanak Melayu yang menggunakan dialek Kelantan dan lingkungan umur mereka mula mengujarnya. Kategori golongan perkataan pertama kanak-kanak tersebut juga dikaji. Oleh itu, kajian ini dijalankan secara tinjauan iaitu dengan mengedarkan boring soal selidik ke taska terpilih dan pengasuh akan edarkan kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak berumur 6 hingga 24 bulan untuk diisi. Seramai 31 orang subjek yang memenuhi criteria kajian telah dipilih iaitu 15 subjek perempuan dan 16 subjek lelaki. Ibu bapa subjek merupakan sumber utama untuk mengetahui perkataan yang telah difahami dan dipertuturkan oleh subjek. Borang soal selidik yang digunakan ialah Borang Senarai Perkataan Pertama Dalam Bahasa Melayu (Dialek Kelantan) yang telah diadaptasi daripada Senarai Perkembangan Komunikasi Mac Arthur: Kata dan Perilaku (Semakan) yang terdapat di Hospital Universiti Sains Malaysia yang juga berdasarkan *MacArthur Communicative Development Inventories* oleh Fenson *et.al.*(1993). Hasil kajian menunjukkan kanak-kanak ini mula mengeluarkan perkataan awal yang terdiri daripada panggilan nama orang, makanan/minuman, obojk harian, perbuatan, binatang, dan kenyataan. Min umur menghasilkan perkataan pertama pula ialah 10 hingga 11 bulan bagi lelaki dan 8 hingga 9 bulan bagi perempuan. Hasil ini dapat memberi rujukan dan maklumat tentang perkembangan bahasa serta panduan kepada patologis pertuturan dan bahasa tempatan terutamanya di Kelantan dalam membantu mengesan sebarang kecelaruan bahasa dan pertuturan kanak-kanak yang menggunakan dialek Kelantan.

**Kata kunci:** perkataan awal, kanak-kanak, Melayu, Kelantan

## EARLY WORDS PRODUCED BY CHILDREN IN KELANTAN

Nur Farina Rosli

Supervisors: Norhaniza binti Abdul Khairi dan Mohd Syahrulikram Mohd Yassin

The aim of this study is to obtain a list of first words produced by children who speak the Kelantan dialect and the age range they begin to produce those words. The researcher also explored documenting the categories of these first words. There were 31 subjects consisting of 15 girls and 16 boys with their parents being the main informants. *Borang Senarai Perkataan Pertama Dalam Bahasa Melayu (Dialek Kelantan)* which has been adapted from *Senarai Perkembangan Komunikasi Mac Arthur: Kata dan Perilaku* (Revised) that has been used in Hospital Universiti Sains Malaysia, (which originated from the MacArthur Communicative Development Inventories by Fenson et.al.(1993) was used. The findings showed that the first words produced consists of the following categories: names, food/drinks, familiar objects, adjectives, animal and descriptive words. The min age for First word production is 10 to 11 months for boys and 8-9 months for girls. These findings are helpful in identifying speech and language delay or disorders early especially amongst children using the Kelantan dialect. This study is a good initial effort in understanding Kelantanese speaking children's language development and can significantly contribute to the field of speech and language pathology locally.

**Key words:** Early words, children, Malay, Kelantan

Rosli, N.F. 2009. Early Words Produced By Children In Kelantan. Bachelor of Health Science (Speech Pathology). Universiti Sains Malaysia